



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE ISSUE OF HUMILIATION OR INSULT TOWARDS PROPHET MUHAMMAD (PBUH): SEVERAL COMMANDS ON MANNERS IN THE SURAH OF AL-HUJURAT]

ISU PENGHINAAN TERHADAP NABI MUHAMMAD SAW: BEBERAPA PERINTAH ADAB DALAM SURAH AL-HUJURAT

MUHAMMAD SAIFUL ISLAMI MOHD TAHER^{1*}
 SITI AISYAH YUSOF¹
 NOOR HIDAYAH KASIM¹

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Kedah, 08400 Merbok Kedah.

*Corresponding author: msaiful0860@uitm.edu.my

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 21 Mei 2020

Abstract

Lately, cases of insults against the Prophet Muhammad (Peace be upon Him) are quite common in our country, especially on the social media. Why is this happening when Muslims are the majority population in the country? Therefore, the purpose of this paper is to highlight issues of humiliation against the Prophet (PBUH) and to explain some of the commands of Allah in the form of manners of respect for him in the Quran. This study uses content analysis method with reference to thematic interpretations or tafsir mawdhu'i as method of analysis. The Muslim scholars have stated that Rasulullah (PBUH) is the most glorious being of Allah who should be honored based on what had been commanded by Quranic texts and hadiths. Therefore, in accordance with the height of his dignity and glory, Allah has set forth in this Surah al-Hujurat several manners and ethics toward the Prophet (PBUH) for the believers to obey and practice in life. If the ethics toward Prophet Muhammad were respected and practiced by all Muslims, then the incident of contempt against him would not have happened.

Keywords: Prophet Muhammad PBUH; tafsir mawdhu'i; Surah al-Hujurat; manners.

Abstrak

Mutakhir ini, kerap kali berlaku kes-kes penghinaan terhadap Nabi Muhammad ﷺ di negara kita terutamanya di media sosial. Mengapakah perkara ini berlaku dengan berleluasa sedangkan umat Islam merupakan penduduk majoriti di negara ini? Justeru tujuan kertas kerja ini ditulis adalah untuk mengetengahkan isu-isu penghinaan terhadap Rasulullah ﷺ serta menjelaskan beberapa perintah Allah ﷻ yang berbentuk adab penghormatan terhadap baginda di dalam al-Quran. Surah yang dikaji ialah Surah al-Hujurat. Tulisan ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan merujuk kepada tafsir tematik atau tafsir mawdhu'i sebagai kaedah analisis. Para ulama'

menyatakan bahawa Nabi Muhammad ﷺ adalah semulia-mulia makhluk Allah yang wajib dimuliakan berdasarkan nas-nas al-Quran dan hadis. Oleh yang demikian, sesuai dengan ketinggian martabat dan kemuliaan baginda ﷺ, maka Allah ﷻ telah menetapkan di dalam Surah al-Hujurat ini beberapa adab dan etika kesopanan terhadap Nabi ﷺ kepada orang mukmin untuk dipatuhi dan diamalkan dalam kehidupan. Sekiranya adab-adab kesopanan terhadap Nabi Muhammad ﷺ tersebut dijunjung tinggi dan diamalkan oleh semua umat Islam, nescaya insiden penghinaan terhadap baginda sudah pasti tidak akan berlaku lagi.

Kata kunci: : Nabi Muhammad ﷺ; tafsir mawdu'î; Surah al-Hujurat; adab.

Cite as: Muhammad Saiful Islami Mohd Taher, Siti Aisyah Yusof & Noor Hidayah Kasim 2020. Isu Penghinaan Terhadap Nabi Muhammad: Beberapa Perintah Adab Dalam Surah Al-Hujurat.. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(2): 60-68.

PENGENALAN

Terdapat dua isu yang sering muncul akhir-akhir ini iaitu isu penghinaan ke atas agama Islam dan isu penghinaan terhadap Rasulullah ﷺ. Ia datang dengan pelbagai cara dan mekanisme, daripada individu yang berbeza dengan pelbagai latar belakang. Namun bagi penulis, apa sahaja isu yang meletakkan penghinaan ke atas Nabi Muhammad ﷺ maka secara automatik ia juga menjadi isu penghinaan ke atas Islam. Dan begitu jugalah sebaliknya. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini hanya akan memfokuskan kepada isu penghinaan ke atas baginda ﷺ dan melihat kepada beberapa perintah adab terhadap baginda ﷺ sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah di dalam al-Quran.

Beriman, kasih dan cinta kepada Nabi Muhammad ﷺ merupakan satu tuntutan yang wajib dalam agama Islam. Ia terkandung dalam rukun iman. Salah satu cara untuk merasai manisnya iman adalah dengan meletakkan kecintaan yang tinggi terhadap baginda Nabi ﷺ. Ia dibuktikan melalui satu hadis, sabda Nabi ﷺ:

“Tiga perkara, sesiapa yang mempunyainya maka dia akan merasai kemanisan iman; seseorang yang menjadikan Allah dan RasulNya sebagai yang paling dicintai, tidak mencintai seseorang melainkan keranaNya dan benci untuk kembali kepada kekufuran sepertimana dia benci untuk dicampakkan ke dalam neraka”.

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

OBJEKTIF PENULISAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk meneliti beberapa kes penghinaan terhadap Nabi Muhammad ﷺ yang telah berlaku sejak zaman baginda lagi hinggalah zaman sekarang. Kertas kerja ini juga akan menjelaskan beberapa perintah adab terhadap Rasulullah ﷺ seperti yang termaktub di dalam al-Quran. Perintah-perintah adab tersebut dibincang berdasarkan surah yang dipilih iaitu Surah al-Hujurat secara pentafsiran tematik (mawdu'î)..

METODOLOGI PENULISAN

Kertas kerja ini ditulis mengikut metode kajian kualitatif. Ia dilakukan dengan menganalisis kandungan (content analysis) terhadap sesuatu teks. Penulis melakukan analisis kandungan terhadap ayat al-Quran berdasarkan sesuatu tema dalam sesebuah surah. Perintah adab terhadap Rasulullah ﷺ dipilih sebagai subjek utama perbincangan dalam penulisan ini berdasarkan surah yang dipilih iaitu surah al-Hujurat. Metode pengumpulan data yang digunakan adalah dengan merujuk bahan-bahan seperti al-Quran, kitab tafsir, buku-buku ilmiah dan sebagainya. Kajian ini menggunakan kaedah deduktif iaitu menganalisis pernyataan yang bersifat umum, kemudian membuat pernyataan yang bersifat khusus..

ISU PENGHINAAN TERHADAP SAYYIDINA RASULULLAH SAW

Penghinaan ke atas baginda Nabi ﷺ sebenarnya telah lama berlaku sejak zaman baginda masih hidup lagi. Banyak contoh kejadian yang merakamkan watak-watak yang tidak mempunyai iman, dengan sewenang-wenangnya meletakkan Rasulullah ﷺ pada kedudukan yang tidak sepatutnya. Antaranya, kisah Abu Jahal yang mencabar Rasulullah ﷺ untuk membelah bulan bertujuan untuk menghina dan mempermalukan sekaligus menafikan kerasulan baginda ﷺ. Ummu Jamil isteri Abu Lahab juga begitu benci anak saudaranya sehingga tergamak meletakkan halangan berduri di sepanjang jalan yang dilalui oleh Nabi ﷺ. ‘Uqbah bin Abi Muiat pula meletakkan najis di atas kepala Nabi ﷺ ketika baginda sedang bersujud, bahkan dia berulang kali menyakiti Rasulullah SAW sehingga sampai ke tahap ingin membunuh baginda ﷺ. Tidak ketinggalan juga kisah penduduk Taif yang melontar baginda ﷺ dengan batu ketika baginda berdakwah di situ. Rasulullah ﷺ juga dihina dengan pelbagai gelaran antaranya tukang sihir, tukang syair, pembohong, orang gila dan lain-lain. Kesemua ini hanyalah sebahagian kecil dari kejadian yang dilakukan oleh golongan yang sangat bencikan baginda ﷺ dengan tujuan supaya kerja-kerja dakwah Islam terhenti.

Pada masa kini, perbuatan menghina Nabi ﷺ masih berlaku dengan metode yang lebih pelbagai. Apatah lagi dengan kewujudan pelbagai media sosial, elektronik dan media massa yang sentiasa berkembang pantas. Di luar negara, banyak kes yang direkodkan menampilkan watak individu yang berbeza antaranya Salman Rushdie melalui karyanya *The Satanic Verses*. Antara artikel yang ditulis olehnya bertajuk “Being God’s Postman Is Not Fun, Yaar”. Salman juga melepaskan diri daripada hidup bertuhan dengan kata-katanya; “I do not need the idea of God to explain the world I live in” (https://www.brainyquote.com/quotes/salman_rushdie). Individu lain yang seangkatan dengan Salman Rushdie ialah Taslima Nasreen yang banyak mengkritik mengenai hak-hak wanita dalam Islam, juga Haidar bin Haidar, seorang warganegara Syria yang telah memalsukan watak sebenar Rasulullah ﷺ, Sayyidatina Khadijah r.a dan Sayyidatina Aisyah r.a dalam novel karangannya. Golongan ini menggunakan pemikiran mereka yang kononnya diiktiraf oleh masyarakat dunia bagi tujuan menghina Rasulullah ﷺ dan mempersendakan agama Islam. Kesemua mereka ini telah dikaitkan dengan jenayah murtad atas kesalahan tersebut (Mohamad Zamri, 2011).

Tidak ketinggalan juga seorang warga Iran iaitu Azam Kamguin yang menampilkan sisi lain penghinaan ke atas Islam apabila menggambarkan Islam sebagai agama yang mengamalkan “sexual apartheid”. Dia menyatakan bahawa di dalam Islam, kaum perempuan tidak

mempunyai kepentingan dalam kehidupan. Tohmahan ini sudah tentu menyalahi apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad ﷺ dalam meningkatkan darjat golongan wanita (Mohamad Zamri, 2011). Tatyana Suskin pula seorang wanita Yahudi telah menyebarkan poster-poster yang menghina Islam dan Nabi (<https://www.nytimes.com>). Farish Noor pula menghina Nabi ﷺ dalam artikelnya yang bertajuk “Let Islam Lead the Way with Its Progressive View on Sexuality”. Artikel tersebut secara terang-terangan menghina peribadi Rasulullah ﷺ, yang mana baginda digambarkan sebagai seorang manusia biasa yang mementingkan hawa nafsu dengan memiliki ramai isteri dan gundik (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2007). Dia juga mendakwa perjuangan Rasulullah ﷺ bukan berbentuk risalah kenabian seperti yang dibawa oleh nabi-nabi terdahulu, akan tetapi lebih kepada perjuangan kemanusiaan seumpama tokoh-tokoh yang lain; perjuangan berasaskan Arabism (tribal leader) yang bertujuan mengangkat martabat bangsa Arab berbanding bangsa bukan Arab (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2007). Selain itu, Theo van Gogh, seorang penerbit filem menggunakan kepakarannya untuk menerbitkan sebuah dokumentari khas bagi menghina Nabi ﷺ. Dia akhirnya mati dibunuh (<https://allthatsinteresting.com>).

Di Nigeria, satu akhbar iaitu Nigeria This Day dalam sebuah artikel, secara berani menghina Nabi SAW dengan menyatakan bahawa, “Jika Muhammad (Nabi umat Islam) masih hidup, Muhammad pun akan membenarkan pertandingan ratu cantik diadakan, dan Muhammad akan memilih salah seorang peserta pertandingan ratu cantik sebagai isterinya”. Artikel ini diterbitkan sebagai respons kepada bantahan demi bantahan yang dibuat oleh pelbagai pertubuhan Islam di Nigeria berkenaan satu pertandingan ratu cantik yang diadakan pada bulan Ramadhan di negara tersebut.

Di Malaysia, isu penghinaan ke atas Nabi ﷺ turut berlaku secara berleluasa. Sedikit masa dahulu, sebuah akhbar Denmark iaitu Jyllands Posten telah menerbitkan karikatur Nabi ﷺ di mana baginda digambarkan sebagai pengganas yang tidak berakhlak. Selepas itu, muncul pula pelbagai akhbar lain yang ikut berani memanjangkan isu tersebut dengan memaparkan pelbagai karikatur berbentuk penghinaan I dada akhbar mereka. Antaranya Sarawak Tribune, Guang Ming Daily dan New Straits Times. Beberapa individu telah ditahan oleh pihak berkuasa dan diambil tindakan antaranya yang terbaru ialah Wendy Loong yang menghina Nabi ﷺ dalam akaun facebooknya.

Rentetan daripada isu yang tidak berkesudahan ini, maka Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menubuhkan satu unit pemantau bertujuan untuk memantau isu penghinaan ke atas agama Islam termasuk juga isu penghinaan ke atas Nabi ﷺ yang bersifat provokasi dalam bentuk penulisan. Unit ini bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang ditugaskan untuk mengambil tindakan lanjut terhadap aduan yang diterima. Unit ini dilaporkan telah menerima lebih daripada 10,000 aduan selepas hanya seminggu penubuhannya pada Mac 2019 yang lalu (<http://www.astroawani.com>). Informasi dari laman web SKMM, sebanyak 26 pertuduhan telah dibuat daripada 1157 aduan yang diterima (<https://www.kkmm.gov.my>). Kerajaan mengambil serius mengenai isu mempersenda agama dan juga penghinaan yang dilemparkan kepada Rasulullah ﷺ. Bahkan isu penghinaan ini juga mendapat perhatian daripada institusi beraja di Malaysia melalui Titah Diraja Yang Di-Pertuan Agong sempena Mesyuarat Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas serta titah Sultan Selangor Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah mengenai kewajipan menjaga

kesucian Islam serta mempertahankan Rasulullah ﷺ daripada dihina dan dipersendakan seperti yang disiarkan dalam Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor (<https://www.selangor.gov.my>)..

KONSEP TAFSIR MAWDHU'I

Tafsir mawdhu'i terdiri dari dua perkataan Arab iaitu tafsir dan mawdhu'. Dalam Bahasa Melayu ia dikenali sebagai tafsir tematik (Mohd Shukri Hanapi, 2011). Menurut Mohd Shukri Hanapi (2011), makna tafsir mawdhu'i ialah menjelaskan ayat-ayat al-Quran berdasarkan satu judul atau topik tertentu. Tafsir mawdhu'i didefinisikan sebagai suatu ilmu yang mengkaji mengenai sesuatu isu berdasarkan maqasid (tujuan-tujuan) al-Quran dengan pelbagai cara, antaranya ialah:

- a. dilakukan dengan mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan sesuatu isu berdasarkan sesebuah surah atau pelbagai surah.
- b. mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan sesuatu tema dan kemudiannya mentafsirkannya mengikut maqasid al-Quran (Mohd Shukri Hanapi, 2011).

Manakala Sa'id pula mendefinisikan tafsir al-mawdhu'i sebagai suatu ilmu yang mengkaji mengenai sesuatu isu atau masalah berdasarkan al-Quran (Mohd Shukri Hanapi, 2011).

Menurut Mohd Shukri Hanapi (2011) lagi, tafsir al-mawdhu'i dapat dibahagikan kepada dua kelompok iaitu:

1. Kelompok ulama' tafsir pertama yang terdiri dari al-Farmawiy, al-Ghazaly, Sabtan dan M. Quraish Shihab membahagikan tafsir al-mawdhu'i kepada dua bentuk iaitu:
 - a. Bentuk pertama: berasaskan objektif atau tema sesebuah surah.

Iaitu suatu ilmu yang mengkaji keseluruhan isi kandungan sesebuah surah. Kemudian, beberapa perkara yang berkaitan dijelaskan iaitu berkaitan objektif atau tema utama yang dibincangkan, hubungan antara ayat dengan ayat yang lain dan antara satu pernyataan masalah dengan masalah.

- b. Bentuk kedua: berasaskan tema atau tajuk dalam seluruh ayat al-Quran.

Iaitu suatu pengkajian ke atas seluruh ayat al-Quran yang mempunyai tema atau tajuk yang sama dengan cara mengumpulkan dan menyusun ayat-ayat al-Quran yang berkaitan, kemudian membuat huraian dan kesimpulan berdasarkan tema yang telah ditetapkan.

2. Kelompok ulama' tafsir kedua pula terdiri daripada Muslim, al-Khalidiy dan Zulkifli membahagikan tafsir al-mawdhu'i kepada tiga bentuk iaitu:

Selain daripada dua bentuk tafsir al-mawdu'î yang dikemukakan oleh al-Farmawiy, al-Ghazali, Sabtan dan M. Quraish Shihab seperti di atas, satu lagi bentuk tafsir al-mawdu'î yang dikemukakan oleh ulama' kelompok ini ialah pentafsiran yang berasaskan kepada istilah-istilah yang mempunyai persamaan.

Bentuk pentafsiran yang ketiga ini dilakukan dengan mencari dan menghimpun perkataan-perkataan pada ayat-ayat al-Quran yang mempunyai persamaan dari segi bentuk atau perkataan-perkataan yang menjadi terbitan daripada ayat-ayat yang sama dalam satu tajuk. Kemudian, perkataan tersebut akan dikaji satu persatu dari pelbagai aspek, kemudian dibuat pentafsiran dan kesimpulan.

LATAR BELAKANG SURAH AL-HUJURAT

Al-Hujurat bermaksud bilik-bilik, yakni merujuk kepada rumah-rumah yang didiami oleh isteri Nabi ﷺ (Ibnu Katsir, 1998). Perkataan al-Hujurat disebut pada ayat ke-4. Surah ini diturunkan di Madinah dan mengandungi 18 ayat. Turutan Surah al-Hujurat di dalam al-Quran adalah selepas surah al-Fath. Kandungan surah ini menjelaskan mengenai peraturan, adab dan kesopanan yang seharusnya diamalkan oleh seorang muslim dalam kehidupan sehariannya. Peraturan dan adab kesopanan yang disebutkan bukan saja bersifat mengasihani sesama muslim dan bersikap keras terhadap pihak lain yang tidak mahu mengikuti ajaran Islam, bahkan surah ini menganjurkan cara beradab sopan yang teratur terhadap Rasulullah ﷺ, cara berhadapan dengan baginda ﷺ supaya tidak disamakan dengan manusia lain, sama ada dari aspek percakapan seharian atau dalam pergaulan kerana baginda ﷺ adalah pemimpin yang paling agung dan paling dikasihi Allah. Surah ini turut menyebutkan mengenai adab sopan santun sesama kaum muslimin (Hamka, 1987).

Terdapat beberapa topik utama dalam surah al-Hujurat, antaranya ialah larangan mendahului Allah dan Rasul serta perintah untuk mengagungkan serta bersopan santun terhadap Rasulullah ﷺ yang disebut pada ayat 1 hingga 3. Manakala ayat 4 dan 5 menyebut celaan kepada orang yang memanggil Rasulullah ﷺ dari luar rumah secara tidak beradab. Seterusnya ayat 6 hingga 8 menyebut perintah supaya menyelidiki terlebih dahulu berita yang dibawa oleh orang. Ayat 9 dan 10 pula menyebut mengenai perintah untuk mendamaikan dua orang mukmin yang bertelagah. Ayat 11 mengkhususkan larangan menghina dan mengejek. Ayat 12 pula mengandungi larangan bersangka buruk. Ayat 13 menjelaskan kemuliaan manusia adalah dinilai dari aspek ketaqwaan dan akhir sekali ayat 14 hingga 18 menjelaskan perbezaan seorang mukmin dan muslim (Syaikh Shafiyurrahman al-Mubarakfuri, 2006). Kesimpulannya, surah al-Hujurat mengajarkan kepada umat Islam tentang adab dan kesopanan atau etika dalam pergaulan yang sepatutnya antara seorang muslim dengan Sayyidina Rasulullah ﷺ dan juga adab pergaulan muslim sesama muslim..

BEBERAPA PERINTAH BERADAB TERHADAP SAYYIDINA RASULULLAH SAW DALAM SURAH AL-HUJURAT

Berakhlak mulia dan menjaga adab merupakan satu perkara yang sangat dituntut dalam agama. Allah ﷻ menurunkan ayat-ayat untuk mengajarkan adab kepada orang mukmin memandangkan

sikap orang Arab yang terkenal dengan keras dan kasar serta tidak beradab dengan Rasulullah ﷺ (al-Qurtubi, 2007). Bahkan Allah ﷻ sendiri telah mencontohkan satu adab yang sangat agung apabila menyebutkan nama Nabi Muhammad ﷺ. Di dalam al-Quran, Allah akan menyebut nama baginda dengan disertai pujian ataupun gelaran baginda. Misalnya firman Allah yang bermaksud: “Wahai Rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu oleh tuhanmu”, ayat 67 Surah al-Ma’idah; ayat: “Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu ...”, ayat 59 Surah al-Ahzab dan ayat: “Muhammad itu Rasulullah ...”, ayat 29 Surah al-Fath.

Menerusi ayat 1 hingga 5 Surah al-Hujurat, Allah ﷻ telah menggariskan beberapa perintah beradab terhadap Sayyidina Rasulullah ﷺ, seperti berikut:

1. Tidak boleh mendahului Allah dan Rasul dalam urusan agama.

Allah ﷻ berfirman pada permulaan ayat 1: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mendahului Allah dan RasulNya ...”. Menurut ulama’ tafsir, maksud ayat ini ialah seseorang mukmin adalah dilarang mengutamakan buah fikiran atau pendapatnya sendiri dalam urusan agama. Sebaliknya dia hendaklah terlebih dahulu mencari dan mengkaji firman Allah dan hadis-hadis Rasulullah ﷺ sebelum membuat sesuatu keputusan yang berkaitan dengan agama.

Para ulama’ mempunyai pelbagai pentafsiran terhadap ayat ini. Misalnya Ali bin Abu Talhah berpandangan bahawa maksud ayat tersebut ialah janganlah seseorang mukmin memberikan pendapat yang bertentangan dengan al-Kitab dan Sunnah. Al-‘Aufi menyatakan janganlah seseorang itu bercakap suatu perkataan yang dengan sengaja hendak melawan firman Allah. Ad-Dahhak pula berkata janganlah kamu membuat suatu keputusan yang berbeza dengan apa yang telah ditetapkan oleh Allah dan RasulNya dalam hal syariat Islam (Ibnu Katsir, 1998).

Menurut Hamka (1987), pendapat seseorang mukmin mestilah disesuaikan dengan al-Quran dan Sunnah terlebih dahulu oleh kerana tidak ada suatu pun yang lebih benar selain daripada firman Allah dan sabda Rasul.

2. Larangan berkata-kata dengan nada yang tinggi di hadapan Rasulullah ﷺ melebihi suara baginda.

Allah ﷻ berfirman dalam ayat yang kedua Surah al-Hujurat: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu meninggikan suaramu lebih dari suara Nabi ...”. Ayat ini merupakan pengajaran adab dan kesopanan yang selanjutnya dari Allah untuk orang mukmin. Allah melarang orang mukmin dari berkata-kata dengan nada yang keras dan tinggi di dalam majlis Rasulullah ﷺ. Terdapat dua riwayat asbabun nuzul yang berkaitan dengan penurunan ayat ini iaitu pertama; perselisihan pendapat yang berlaku antara Sayyidina Abu Bakar r.a dan Sayyidina Umar r.a dalam isu pelantikan seorang sahabat dari Bani Tamim dan kedua; ayat ini turun mengenai sahabat yang bernama Sayyidina Tsabit bin Qais r.a yang mana kebiasaan sikap beliau ialah meninggikan suara di hadapan Rasulullah ﷺ (Ibnu Katsir, 1998). Setelah turun ayat ini, dikisahkan bahawa Sayyidina Umar r.a tidak lagi berani mengangkat suara di hadapan Rasulullah ﷺ (al-Qurtubi, 2007).

Terdapat satu tafsiran lain yang menarik tentang makna “sout”. Kalimah “sout” di samping bermakna suara, ia juga boleh dimaknakan sebagai pendapat. Justeru jadilah makna

ayat tersebut janganlah orang mukmin lebih mengutamakan pendapatnya berbanding pendapat Rasulullah ﷺ. Semestinya pendapat Rasulullah ﷺ adalah pendapat yang paling tepat kerana percakapan baginda semuanya adalah wahyu dari Allah ﷻ.

3. Apabila hendak berbicara dengan Rasulullah ﷺ, orang mukmin mestilah bersikap tenang, dengan intonasi suara yang lembut dan hormat sebagai memuliakan baginda ﷺ.

Allah ﷻ berfirman lagi dalam ayat yang kedua: "...dan janganlah kamu berkata kepadanya dengan suara yang keras sebagaimana kerasnya suara sebahagian kamu terhadap sebahagian yang lain supaya tidak hapus pahala amalanmu sedangkan kamu tidak menyedarinya".

Salah satu makna ayat ini ialah dilarang keras memanggil Nabi ﷺ dengan nama baginda semata-mata misalnya Ya Muhammad atau Ya Ahmad, sebaliknya orang mukmin wajib memanggil baginda dengan panggilan kemuliaan dan penghormatan contohnya Ya Nabi Allah atau Ya Rasulullah (al-Qurtubi, 2007). Pada akhir ayat kedua ini, Allah memberikan amaran keras kepada sesiapa yang tidak beradab terhadap Rasulullah ﷺ akan menyebabkan datangnya kemurkaan Allah yang akan mengakibatkan terhapusnya pahala amal kebaikan yang telah dilakukan, sedangkan ia tidak menyedarinya. Seterusnya dalam ayat ketiga, Allah memberikan khabar gembira tentang ganjaran besar yang bakal menanti orang mukmin yang beradab terhadap Sayyidina Rasulullah ﷺ iaitulah hati mereka dipersiapkan oleh Allah untuk menjadi orang yang bertaqwa, mendapat keampunan dosa dari Allah, mendapat pahala yang besar serta diterima segala amal kebaikan mereka (Hamka, 1987).

Imam al-Qurtubi (2007) dalam tafsirannya terhadap ayat ini menyatakan bahawa Allah memerintahkan orang-orang mukmin supaya menghormati dan mengagungkan Sayyidina Rasulullah ﷺ, merendahkan suara di dalam majlis baginda ﷺ dan bercakap dengan baginda ﷺ dengan suara yang lembut. Qadi Abu Bakar Ibnu al-'Arabi (2005) berpandangan bahawasanya perintah hormat dan beradab terhadap Rasulullah ﷺ adalah sama dan terus berterusan meskipun baginda telah wafat. Begitu juga wajib menghormati hadis-hadis Nabi ﷺ yang dibacakan kerana ia seperti menghormati baginda sendiri yang melafazkan hadis tersebut. Hal ini kerana perkataan Rasulullah ﷺ adalah datang dari Allah yang mesti dihormati sebagaimana dihormatinya al-Quran yang merupakan kalamullah.

4. Larangan memanggil Rasulullah ﷺ dari luar rumah ketika baginda sedang berehat.

Selanjutnya Allah ﷻ mengajarkan lagi adab kesopanan yang tinggi pada ayat keempat dan kelima Surah al-Hujurat iaitu tidak boleh melaung atau menjerit memanggil baginda Nabi ﷺ jika baginda sedang berada di dalam rumah. Allah menyuruh orang beriman supaya bersabar menantikan kemunculan baginda ﷺ. Diceritakan ada seorang Arab Badwi yang telah memanggil-manggil Rasulullah ﷺ dari luar rumah. Sememangnya Arab Badwi dikenali sebagai orang yang berperangai kasar dan keras. Lalu Allah ﷻ pun menurunkan ayat tersebut.

Menurut Hamka (1987), terdapat tiga waktu berehat Rasulullah ﷺ yang tidak boleh diganggu ketika baginda berada di rumah. Hal ini berdasarkan ayat 58 Surah an-Nur yang menyatakan tiga waktu tersebut ialah sebelum solat Subuh, setelah menanggalkan kain pada waktu Zuhur (yakni waktu qailulah) dan selepas solat Isyak. Jika ada sesiapa yang ingin

bertemu Rasulullah ﷺ hendaklah bersabar dan menunggu sehingga baginda keluar dari rumah. Berdasarkan ayat ini dapat kita fahami bahawa Rasulullah ﷺ mempunyai waktu privasi dan rehat yang tidak boleh diganggu. Ini adalah salah satu adab yang sangat agung yang diajarkan oleh Allah ﷻ kepada orang-orang beriman.

KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian terhadap kes-kes penghinaan yang berlaku ke atas Sayyidina Rasulullah ﷺ, dapat disimpulkan bahawa perkara yang tidak sepatutnya berlaku seperti penghinaan terhadap baginda ﷺ tidak akan berlaku sekiranya umat Islam bersama-sama menjaga adab pada Sayyidina Rasulullah ﷺ. Perintah adab dan etika kesopanan terhadap Sayyidina Rasulullah SAW telahpun dijelaskan dalam al-Quran khususnya menerusi surah al-Hujurat ayat 1 hingga 5. Perintah-perintah adab yang disebutkan Allah ﷻ dalam al-Quran mestilah dijadikan sebagai panduan dan ikutan oleh seluruh umat Islam. Hal ini kerana setiap perintah dari Allah ﷻ pasti mempunyai hikmah yang tersendiri dalam mewujudkan suasana yang harmoni dalam kalangan masyarakat. Pengabaian terhadap perintah adab ini boleh menimbulkan pelbagai kesan yang negatif sepertimana yang berlaku dalam kehidupan umat Islam masa kini.

RUJUKAN

- Al-Qurtubi. (2007). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Hamka. (1987). *Tafsir al-Azhar juzu' 26*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Ibnu Katsir. (1998). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Damsyik: Dar al-Fayha'.
- Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik (2011). "Peruntukan Undang-Undang Murtad di Selangor: Satu Kajian Berasaskan Maqasid Shar'iyah". Tesis Sarjana, Jabatan Syariah Dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Shukri Hanapi. (2011). Pola Kajian Tafsir al-Mawdu'iy di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Jilid 4 (Julai), h. 137-158.
- Qadi Abu Bakar Ibnu al-'Arabi. (2005). *Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim & Anuar Ramli (2007). Mazhab Syafi'i Dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Fiqh*. No. 4 (2007) h. 39-76. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Syaikh Shafiyurrahman al-Mubarakfuri. (2006). *Shahih Tafsir Ibnu Katsir jilid 8*. Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir.
- Laman web (<http://www.astroawani.com/video-malaysia/hina-agama-islam-jakim-terima-10-000-aduan-391383>). Dicapai pada 6/9/2019.
- Laman web (https://www.brainyquote.com/quotes/salman_rushdie). Dicapai pada 6/9/2019.
- Laman web (<https://www.selangor.gov.my>). Dicapai pada 6/9/2019.
- Laman web (<https://www.nytimes.com>). Dicapai pada 4/9/2019.
- Laman web (<https://allthatsinteresting.com>). Dicapai pada 4/9/2019.
- Laman web (<https://www.kkmm.gov.my>). Dicapai pada 4/9/2019.
- Laman web (<http://www.astroawani.com>). Dicapai pada 3/9/2019.